

# Manfaat platform digital majukan perniagaan

**Usaha** kerajaan memperkasakan bidang keusahawanan bermula sejak 1996 dengan penubuhan agensi khusus di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk memacu pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) itu, dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp Malaysia pada 2009, sebelum diwartakan sebagai agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan pada November 2018.

Kementerian dijenamakan semula sebagai Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) pada Januari 2020 itu, bermatlamat antara lainnya untuk membangunkan PKS supaya lebih mapan dan berdaya saing di peringkat global.

Kita juga menyaksikan penubuhan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sebagai universiti awam (UA) berteraskan keusahawanan dan beroperasi secara rasmi pada 2007 hasil Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9).

Selain itu, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) ditubuhkan pada 1996 yang kini menjadi agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM).

Peranannya menyerlah beberapa tahun ini apabila melaksanakan pelbagai inisiatif program digital membawa arus perubahan kepada usahawan tradisional menuju digitalisasi, mempercepatkan pencapaian ekonomi digital seiring Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Jika dilihat kesedaran rakyat terhadap kepentingan keusahawanan, ia dikategorikan masih peringkat awal.

Bagaimanapun, pandemik COVID-19 merencanakan pertumbuhan perniagaan dalam kalangan masyarakat lebih-lebih lagi melalui platform digital termasuk perniagaan menggunakan sistem ejen dan dropship.

Masyarakat mula sedar dan lebih terbuka terhadap potensi menjalankan aktiviti keusahawanan lebih-lebih lagi perniagaan dalam talian menggunakan platform media sosial yang dikategorikan sebagai *zero cost marketing*.

Bagaimanapun, terdapat pelbagai motivasi kepada individu menceburi diri dalam aktiviti keusahawanan.

Ada yang menjadikannya sebagai reaksi dan tindakan kelangsungan hidup, tetapi ada pula melihat ia sebagai jalan keluar daripada zon selesa dan mencuba sesuatu baharu.

Ada juga yang tiada masalah kewangan, tetapi melakukan perniagaan sampingan sebagai stokis atau ejen untuk mencapai kebebasan kewangan.

Proses keusahawanan secara dasarnya bermula dengan mengenal pasti peluang perniagaan sama ada mencipta atau menjumpai dan menyedari peluang tersedia ada di persekitaran.

Peluang itu mungkin wujud berikutan mod kelangsungan hidup diaktifkan dan diiringi bantuan kerajaan untuk membantu usahawan menyuntik modal memulakan perniagaan.

Pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melalui Program i-Sinar di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) bagi dilihat antara batu loncatan khususnya kepada individu yang sudah lama berniat menceburi diri dalam keusahawanan tetapi mempunyai modal terhad.

Justeru, pandemik COVID-19 menjadi titik tolak dan mempercepatkan me-

reka terjun ke bidang keusahawanan.

Pada masa sama, platform digital dilihat hampir sepenuhnya dipraktikkan dan diaplikasikan, sekali gus memudahkan lagi penyampaian maklumat dan pengiklanan produk.

Ini juga membantu usaha kerajaan khususnya MDEC ke arah mendigitalisasikan perniagaan untuk mempercepat ekonomi digital.

Pandemik ini tentu membawa arus perubahan dengan individu perlu berubah dan berada di luar zon selesa terutama meneruskan kelangsungan hidup dalam situasi tidak menentu ini.

Segala berlaku pasti ada hikmah. COVID-19 yang datang dengan dugaan besar ini turut membawa bersama hikmahnya apabila memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap potensi bidang keusahawanan, sekali gus mempercepatkan proses perubahan keusahawanan.

Ia sesuai dengan peribahasa, sekali air bah, sekali pasir berubah tetapi ia menuntut individu untuk memberi reaksi sewajarnya dan bertindak dengan cepat.

**Nurul Atasha Jamaludin**

Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

